

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)15

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

15. Apakah pencapaian Kerajaan Negeri dalam menarik penganjuran konsert ke Pulau Pinang dan apakah impak limpahan ekonomi yang terhasil kepada negeri ini hasil daripada penganjuran konsert-konsert tersebut?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi *concert tourism* atau pelancongan konsert, iaitu bentuk pelancongan di mana pelancong datang khas untuk menghadiri pertunjukan muzik secara langsung.

Beberapa lokasi utama boleh digunakan untuk penganjuran konsert dan acara besar seperti Padang Kota Lama, Setia SPICE Convention Centre, dan SPICE Arena. Namun begitu, kapasiti lokasi penganjuran yang agak terhad merupakan kekangan untuk penganjuran konsert berskala mega di Pulau Pinang. Pembukaan Penang Waterfront Convention Centre

(PWCC) baru-baru ini yang boleh memuatkan sehingga 10,000 pengunjung konsert berpotensi menjadi pemangkin kepada penganjuran lebih banyak konsert terkemuka dianjurkan di negeri ini.

Dengan tersedianya lokasi konsert seperti di SPICE Arena, beberapa konsert artis terkemuka tanah air dan antarabangsa telah dan akan diadakan di Pulau Pinang antaranya konsert "Jilid Akhir: Ella Puteri Kota" berlangsung pada 28 Oktober 2023 di SPICE Arena dengan kehadiran kira-kira 14,000 penonton dan konsert "*Afgan Live in Penang 2024*" pada 28 Disember 2024 di SPICE Arena.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan stesen-stesen radio untuk penganjuran konsert di negeri ini antaranya ialah:

- (a) Konsert "*After Work Fest 2025*" oleh stesen radio 988 telah berlangsung pada 26 dan 27 Julai 2025 di Padang Kota Lama merupakan satu festival muzik dan hiburan berskala besar yang menampilkan artis-artis popular Malaysia dan serantau.

- (b) Konsert "*MYFM Big Show 2025*" diadakan pada 27 September 2025 di SPICE Arena ialah konsert stesen radio popular yang menghimpunkan barisan artis ternama tempatan.

Penganjuran konsert mampu menarik kehadiran pelancong dari luar negeri dan luar negara. Kehadiran pelancong ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan kadar penginapan hotel, perbelanjaan pelancong dalam sektor makanan dan minuman (F&B), pengangkutan, runcit dan hiburan tempatan.

Dengan penyediaan kemudahan *venue* dan promosi berterusan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat meningkatkan nilai tambah pelancongan negeri melangkaui daya tarikan sedia ada. Pendekatan ini menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan bagi pelancong yang mencari pengalaman pelancongan yang pelbagai (*experience tourism*).

Selain itu, penganjuran acara berskala besar berupaya menaikkan profil Pulau Pinang di peringkat nasional dan antarabangsa, memperkukuh penjenamaan negeri

(*brand awareness*) serta berpotensi menarik pelaburan dalam sektor industri kreatif, hiburan dan pelancongan, sekali gus merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri secara menyeluruh.